2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

a. Penggunaan kaedah moden telah dapat meningkatkan hasil pertanian berbanding dengan kaedah _____.

b. Sains dan teknologi lebih banyak mendatangkan kebaikan daripada _____.

c. Hafiq mencuci kereta ayahnya yang kotor itu sehingga _____.

d. Baju-baju yang basah itu belum _____ kerana cuaca mendung sepanjang hari.

e. Ibu bapa memelihara kita semasa sihat. Oleh itu, jagalah mereka apabila mereka _____.

[5 markah]

3. Tuliskan **KATA GANDA** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

a. Amirul tergopoh-_____ ke sekolah kerana terlewat bangun.

b. Sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan di sekolah saya berlangsung dalam suasana gilang- _____.

c. Meja-_____ yang berselerak di dalam kelas itu disusun sehingga teratur.

d. Saya mempunyai lima orang _____-beradik.

e. Peniaga itu menjual bermacam-_____ jenis buah tempatan.

[5 markah]

05/07/2026 11:20

LIVEWORKSHEETS

5. Tuliskan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai di tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

a. Setiap pagi Sarah makan dua _____ telur untuk sarapan.



b. Rahmat membawa se _____ jala untuk menangkap ikan.

c. Ayah sedang membaca se _____ surat khabar.

d. Emak meletakkan dua _____ timun di atas nasi lemak itu.



e. Pak Hamid menjual se_____ buah duku dengan harga lima ringgit.



[markah]

05/05/2020 11:21

LIVEWORKSHEETS

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

a. Muiz kerap (_____) membantu ibu bapanya membuat kerja di rumah.

b. Hakim-hakim hanya memberikan kritikan (_____) yang membina dalam pertandingan Mari Bercerita itu.

c. Kami ditegah (_____) memasuki bilik komputer kerana masih dalam pengubahsuaian.

d. Khadijah rajin (_____) berusaha sehingga berjaya membuka kedai roti miliknya.

e. Nelayan itu mengayuh perahu (_____) menyelusuri tebing sungai sebelum menangkap ikan.

f. Sahril disayangi (_____) oleh kawan-kawannya kerana sikapnya yang ringan tulang.

g. Rumah yang ditinggalkan oleh nenek di kampung sudah usang. (_____)

h. Luka (_____) di jari yang dialaminya semasa kecil meninggalkan bekas.

i. Cita-cita Kamil hendak menjadi seorang tentera (_____) telah tercapai.

j. Pasangan mempelai (_____) itu tersenyum-simpul semasa bersanding di atas pelamin.

[10 markah]

LIVEWORKSHEETS

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

   a. Hajah Intan tidak suka membeli barang-barang secara berhutang, sebaliknya dia membayar secara _____.

   b. Rumah nenek saya terletak di kaki bukit dan bukannya di _____ bukit itu.

   c. Kapal rosak yang terapung di tengah lautan itu, akhirnya _____ dipukul ombak.

   d. Perusahaan membuat batik pada masa dahulu dibuat secara tradisional dan sekarang teknik _____ telah digunakan.

   e. Pada mulanya Alif berasa waswas mengikuti pertandingan nyanyian itu tetapi setelah dinasihati oleh gurunya, akhirnya dia berasa lebih _____.

[5 markah]

3. Tuliskan **KATA GANDA** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

   a. Puan Zainah memasang langit- _____ di bilik anaknya.

   b. Jalan ke Kampung Pisang yang lekak- _____ itu membahayakan penduduk.

   c. Suasana di pasar ikan pada waktu pagi sungguh bising dengan suara tawar- _____.

   d. Rumah di atas bukit itu kelihatan terang- _____.

   e. Orang muda itu memakai baju berjalur- _____ hitam.

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

5. Tuliskan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai di tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

a. Lima _____ rumah telah musnah dijilat api.



b. Tukang kayu itu menggunakan se _____ gergaji untuk memotong lebihan papan.



c. Rantai emas itu dihiasi oleh beberapa _____ mutiara asli.



d. Daud mempunyai se_____ kakak bernama Ros.



e. Ibu membeli beberapa _____ petai di Tamu Kianggeh.



[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

a. Titi (_____) kayu itu telah roboh pagi tadi.

b. Program Rakan Sebaya di sekolah itu telah berjaya mencapai tujuan (_____) yang disasarkan.

c. Ibu telah mengutus (_____) sepucuk surat kepada abang yang sedang belajar di luar negeri.

d. Delegasi negara kita telah berlepas ke Korea pada bulan Jun untuk menyertai (_____) Pameran Perdagangan ASEAN 2023.

e. Kucing yang dikejar oleh anjing itu bersembunyi di dalam semak. (_____)

f. Bunyi unggas di pinggir hutan (_____) itu sayup-sayup kedengaran.

g. Pelumba lari jarak jauh itu tetap cekal (_____) untuk menghabiskan pusingan terakhir lariannya.

h. Anak perempuan itu gemar (_____) memakai jam tangan pemberian ayahnya.

i. Banyak kulat (_____) tumbuh liar selepas hari hujan.

j. Mereka sekeluarga sembahyang (_____) Isyak berjemaah setiap malam.

[10 markah]

LIVEWORKSHEETS

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

a. Pokok bunga yang mekar itu menjadi _____ kerana tidak disiram dengan air.

b. Raziq yang berasal dari kampung pedalaman pergi ke _____ untuk mencari pekerjaan.

c. Ais kiub yang beku itu menjadi _____ apabila dicampur dengan air panas.

d. Kita hendaklah menolong orang dengan hati yang _____ bukan kerana terpaksa.

e. Kucing yang liar itu menjadi _____ setelah diberi makanan.

[5 markah]

3. Tuliskan **KATA GANDA** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

a. Musim perayaan pada waktu malam sangat meriah dengan cahaya lampu cucul yang berwarna- _____ di sepanjang jalan raya.

b. Pemburu itu lari lintang- _____ apabila dikejar oleh harimau yang berada di dalam hutan itu.

c. Tangan pekerja buruh itu tercedera kerana mengangkat batu- _____ yang berat itu.

d. Desas- _____ mengatakan bahawa pemain bola menarik diri kerana mengalami kecederaan.

e. Kita hendaklah saling hormat- _____ sesama kita.

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

5. Tuliskan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai di tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

a. Nelayan itu menebarkan se _____ jala ke dalam sungai untuk menangkap ikan.



b. Ibu membeli se _____ pisang dari gerai Mak Limah.



c. Tiga _____ itik sedang berenang di dalam kolam.



d. Encik Rosli membeli se _____ tali di kedai runcit berhampiran rumahnya.



e. Marhan membeli se _____ jam tangan untuk hadiah hari jadi ayahnya.

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

a. Kita sangat beruntung kerana mempunyai seorang raja yang adil (_____) dalam pemerintahannya.

b. Haziq seorang pelajar yang sangat cerdik (_____).

c. Sang Monyet berasa cemburu (_____) dengan kebijaksaan Sang Kancil.

d. Cuaca sejuk (_____) pada malam itu menyebabkan adik menggigil kesejukan.

e. Rania menjemput (_____) semua kawannya untuk datang ke majlis hari jadinya.

f. "Apakah yang awak beli?" tanya (_____) ibu kepada kakak.

g. Aisyah telah memenangi peraduan (_____) lukisan anjuran sekolah.

h. Mangsa kemalangan jalan raya itu telah dibawa (_____) ke hospital.

i. Pasukan bola jaring sekolah kita telah kalah (_____) di peringkat akhir pertandingan antara sekolah-sekolah swasta.

j. Kita hendaklah ikhlas ketika membantu (_____) orang yang susah.

[10 markah]

LIVEWORKSHEETS

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

   a. Keadaan cuaca yang _____ tiba-tiba menjadi **gelap** apabila hujan turun dengan lebatnya.

   b. Anak yang **derhaka** mendapat dosa tetapi anak yang _____ akan mendapat pahala.

   c. Sikap **berjimat** merupakan amalan yang terpuji tetapi sikap _____ perlu dielakkan kerana boleh merugikan diri sendiri.

   d. Jawab soalan yang _____ dahulu, kemudian baru menjawab soalan yang **susah**.

   e. Kita hendaklah makan sayur-sayuran yang _____ dan elakkan makan sayur-sayuran yang sudah **layu**.

[5 markah]

3. Tuliskan **KATA GANDA** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

   a. Kami dapat melihat **kapal-**_____ itu berlabuh di Pelabuhan Muara.

   b. Awang Daniel memang seorang yang arif dalam **selok-**_____ perniagaan.

   c. Pak Cik Aiman berjalan **terhuyung-**_____ setelah dua hari sesat di dalam hutan.

   d. Kita mestilah **bantu-**_____ dalam kehidupan seharian agar kerja yang berat menjadi ringan.

   e. Cikgu Hafizul **mundar-**_____ di dalam kelas sambil mengawasi murid-muridnya yang sedang menduduki peperiksaan.

[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

5. Tuliskan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai di tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

a. Tuan Harun menyimpan se_____ sapu tangan dalam saku bajunya.

b. Ayah membawa balik se_____ pisang dari kebunnya.



c. Adik menerima hadiah se_____ jam tangan daripada nenek.



d. Sofia menerima se_____ payung sebagai hadiah apabila dia memperbaharui insuran keretanya.



e. Pekebun itu menebas rumput menggunakan se_____ parang.



[5 markah]

LIVEWORKSHEETS

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

a. Kami **ditegah** (_____) memasuki kawasan Blok A kerana peperiksaan sedang dijalankan.

b. Syifa **disayangi** (_____) oleh kawan-kawannya kerana sikapnya yang ramah dan sopan.

c. Kakak **mendekati** (_____) pengemis itu lalu menghulurkan sedekah.

d. Pasukan bola sepak sekolah kami telah menjadi **juara** (_____) dalam pertandingan antara sekolah-sekolah rendah senegara.

e. Ayah Ahmad mencuci **parit** (_____) di tepi rumah sejak pagi tadi.

f. Semasa ujian bertulis itu berlangsung, bilik darjah menjadi **senyap** (_____).

g. Masakan di gerai tepi pantai itu sungguh **enak** (_____).

h. Memberi sedekah kepada anak-anak yatim merupakan perbuatan yang perlu kita **contohi** (_____).

i. "Tolong tutup **jendela** (_____) itu," kata ibu kepada kakak.

j. Angin kencang yang melanda Negara Brunei Darussalam semalam telah mengakibatkan banyak rumah yang **binasa** (_____).

[10 markah]

05/07/2021 11:23

LIVEWORKSHEETS